

D.R. 52/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3 dengan memasukkan selepas takrif “Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia” takrif yang berikut:

‘ “perkongsian guaman liabiliti terhad” ertinya suatu perkongsian guaman liabiliti terhad yang diluluskan di bawah seksyen 40R dan didaftarkan mengikut kehendak seksyen itu;

“perkongsian liabiliti terhad” ertinya suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743], dan termasuklah suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan melalui penukaran perkongsian konvensional di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, tetapi tidak termasuk perkongsian liabiliti terhad asing yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;’.

Seksyen baharu 9A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

“Akaun Lembaga

9A. Akaun Lembaga hendaklah diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara.”.

Pindaan seksyen 11

4. Subseksyen 11(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) telah memperoleh suatu perintah di bawah subseksyen 36(2).”.

Pindaan seksyen 15

5. Subseksyen 15(3) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (g), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(h) suatu salinan benar perintah yang diperoleh di bawah subseksyen 36(2).”.

Pindaan seksyen 30

6. Subseksyen 30(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “atau secara perkongsian” dengan perkataan “, secara perkongsian atau secara perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “atau firma peguam bela dan peguam cara” dengan perkataan “, firma peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 36

7. Seksyen 36 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pada masa bermulanya latihan” dengan perkataan “dalam masa tiga puluh hari dari masa bermulanya latihan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “atau firma” dengan perkataan “atau bagi pihak firma atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - “(b) pada masa tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh perintah itu, pelatih itu boleh hadir—
 - (i) dalam kamar di Mahkamah Tinggi dan di mahkamah rendah, untuk mengendalikan apa-apa kausa atau perkara; dan

- (ii) di hadapan mana-mana Majistret untuk mengendalikan apa-apa kausa, perkara atau perbicaraan.”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Apa-apa permohonan di bawah subseksyen (2) selepas tamat tempoh tiga puluh hari dari masa bermulanya latihan pelatih itu dengan Pengajarnya tidak boleh dibenarkan melainkan jika dengan kebenaran mahkamah.”.

Pindaan seksyen 40A

- 8.** Seksyen 40A Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas takrif “firma guaman asing berkecualan” takrif yang berikut:

‘ “firma guaman Malaysia” ertinya suatu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau perkongsian guaman liabiliti terhadap yang menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara di bawah Akta ini;’.

Pindaan seksyen 40F

- 9.** Subseksyen 40F(1) Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “firma guaman Malaysia boleh memohon secara bersama” perkataan “atau melalui perkongsian guaman liabiliti terhadap yang ditubuhkan menurut suatu perkiraan antara firma guaman asing dengan firma guaman Malaysia itu”.

Pindaan seksyen 40o

- 10.** Seksyen 40o Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) cara dan langkah bagaimana suatu perkongsian guaman liabiliti terhadap boleh ditubuhkan bagi maksud suatu perkongsian antarabangsa;”.

Bahagian baharu IVB

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40o bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVB

PERKONGSIAN GUAMAN LIABILITI TERHAD

Tafsiran

40p. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pegawai pematuhan” ertinya pegawai pematuhan yang dilantik di bawah seksyen 27 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;

“Pendaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;

“perjanjian perkongsian liabiliti terhad” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan perkongsian guaman liabiliti terhad, *dsb.*

40q. Seseorang peguam bela dan peguam cara yang berhasrat untuk menubuhkan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad atau menukar firma sedia ada kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad bagi maksud menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara hendaklah memohon kepada Majlis Peguam bagi kelulusan—

- (a) penubuhan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad; atau
- (b) penukaran firma sedia ada kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad; dan
- (c) nama yang dicadangkan bagi perkongsian guaman liabiliti terhad itu.

Kelulusan bagi penubuhan atau penukaran kepada perkongsian guaman liabiliti terhad

40R. (1) Apabila permohonan di bawah seksyen 40Q diterima, Majlis Peguam boleh meluluskan penubuhan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad atau penukaran suatu firma sedia ada kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad.

(2) Suatu perkongsian guaman liabiliti terhad yang diluluskan di bawah subseksyen (1) tidak boleh diiktiraf sebagai suatu perkongsian guaman liabiliti terhad di bawah Akta ini sehingga perkongsian guaman liabiliti terhad itu didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 sebagai suatu perkongsian liabiliti terhad dan namanya dimasukkan dalam daftar di bawah subseksyen 40z(2).

Kelulusan bagi nama perkongsian guaman liabiliti terhad

40s. (1) Bagi maksud permohonan di bawah perenggan 40Q(c), Majlis Peguam boleh meluluskan nama perkongsian guaman liabiliti terhad yang dicadangkan—

(a) dalam hal suatu penukaran daripada firma sedia ada kepada perkongsian guaman liabiliti terhad, jika nama itu—

(i) adalah nama yang sama dengan firma sedia ada dengan perkataan tambahan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 13(1) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan

(ii) tidak berkemungkinan dikelirukan dengan nama mana-mana perkongsian guaman liabiliti terhad atau firma sedia ada; atau

(b) dalam hal penubuhan perkongsian guaman liabiliti terhad yang baharu, jika nama itu—

(i) tidak mengelirukan;

(ii) tidak berkemungkinan dikelirukan dengan nama mana-mana perkongsian guaman liabiliti terhad atau firma sedia ada; dan

- (iii) tidak bertentangan dengan martabat profesion undang-undang.

(2) Nama perkongsian guaman liabiliti terhad yang telah diluluskan itu tidak boleh ditukar atau diubah melainkan dengan kelulusan Majlis Peguam secara bertulis tertakluk kepada kehendak yang sama di bawah perenggan (1)(b).

Hak dan kewajipan perkongsian guaman liabiliti terhad

40r. (1) Suatu perkongsian guaman liabiliti terhad boleh melakukan apa-apa perkara yang peguam bela dan peguam cara boleh lakukan di sisi undang-undang dan hendaklah melakukan semua perkara yang peguam bela dan peguam cara perlu lakukan di sisi undang-undang.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu perkongsian guaman liabiliti terhad tidak boleh melakukan apa-apa perkara yang hanya boleh dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara sebagai orang sebenar.

Kesan penukaran kepada perkongsian guaman liabiliti terhad

40u. Tanpa menjejaskan seksyen 33 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, selepas penukaran suatu firma kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad—

- (a) semua orang yang telah mengguna khidmat atau sedang mengguna khidmat firma itu berkaitan dengan amalannya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah disifatkan sebagai orang yang telah mengguna khidmat atau sedang mengguna khidmat perkongsian guaman liabiliti terhad itu berkaitan dengan amalannya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara tanpa memerlukan persetujuan daripada atau pemberitahuan kepada mana-mana orang yang mengguna khidmat itu atau mana-mana orang lain dan tanpa jaminan, tindakan atau surat ikatan selanjutnya;

- (b) semua aset dan harta yang dipegang oleh firma itu, sama ada secara berseorangan atau bersesama dengan mana-mana orang lain, bagi atau yang berkaitan dengan amalannya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, sama ada bagi mana-mana orang itu atau selainnya, hendaklah terletak hak pada perkongsian guaman liabiliti terhad itu tertakluk kepada amanah atau perkiraan lain sebagaimana yang terpakai pada firma itu;
- (c) semua dokumen, rekod, barang atau benda yang dipegang oleh atau untuk, atau dalam milikan, firma itu hendaklah disifatkan sebagai dipegang oleh atau untuk, atau dalam milikan, perkongsian guaman liabiliti terhad itu;
- (d) apa-apa lien atau cagaran lain yang dipegang oleh firma itu, sama ada secara berseorangan atau bersesama dengan mana-mana orang lain untuk manfaatnya sendiri atau sebagai penama atau pemegang amanah, hendaklah disifatkan sebagai dipegang oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu;
- (e) apa-apa aku janji, persetujuan, surat kuasa wakil, arahan, perintah, mandat, kuasa atau surat cara lain yang wujud, sama ada melalui surat ikatan atau selainnya, yang dibuat oleh, diberikan oleh atau kepada, atau dibuat untuk faedah, firma itu bagi atau yang berkaitan dengan amalannya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah disifatkan sebagai dibuat oleh, diberikan oleh atau kepada, atau dibuat untuk faedah, perkongsian guaman liabiliti terhad itu;
- (f) apa-apa akaun antara firma itu dengan orang yang mengguna khidmat atau yang telah mengguna khidmat firma itu atau selainnya bagi atau yang berkaitan dengan amalannya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah disifatkan sebagai menjadi suatu akaun antara perkongsian guaman liabiliti terhad itu dengan orang itu tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang terpakai pada akaun itu dengan firma itu; dan

- (g) apa-apa pemfailan atau surat-menyurat atau perkara dengan atau yang melibatkan mana-mana pejabat pendaftaran, mahkamah, tribunal, pihak berkuasa cukai atau hasil, bursa saham atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa pengawal selia yang dibuat oleh firma itu atau seseorang peguam bela dan peguam cara firma itu bagi atau yang berkaitan dengan amalannya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat oleh atau dengan perkongsian guaman liabiliti terhad itu.

Hubungan antara klien dengan perkongsian guaman liabiliti terhad

40v. Suatu perkongsian guaman liabiliti terhad hendaklah mempunyai hak dan tertakluk kepada kehendak fidusiari, kerahsiaan dan etika yang berkenaan dengan setiap klien perkongsian guaman liabiliti terhad sama dengan hak dan kehendak fidusiari, kerahsiaan dan etika yang sedia ada di sisi undang-undang yang berkenaan dengan peguam bela dan peguam cara dengan kliennya.

Standard kelakuan

40w. Seorang pekongsi, perunding atau pekerja perkongsian guaman liabiliti terhad yang merupakan seorang peguam bela dan peguam cara yang menyediakan perkhidmatan yang hanya boleh diberikan oleh peguam bela dan peguam cara di bawah Akta ini adalah tertakluk kepada standard kelakuan dan kecekapan yang sama yang berkenaan dengan perkhidmatan sedemikian seolah-olah dia sendiri menyediakan perkhidmatan itu sebagai seorang peguam bela dan peguam cara dalam suatu firma.

Pemberhentian amalan peguam bela dan peguam cara

40x. (1) Suatu perkongsian guaman liabiliti terhad tidak boleh menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara jika pada bila-bila masa mana-mana pekongsi perkongsian guaman liabiliti terhad itu bukan seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan.

(2) Jika suatu perkongsian guaman liabiliti terhad menjalankan perniagaan yang melanggar subseksyen (1)—

- (a) perkongsian guaman liabiliti terhad itu; dan
- (b) orang yang merupakan pekongsi sepanjang tempoh perkongsian guaman liabiliti terhad itu menjalankan perniagaan sedemikian dan mengetahui hakikat bahawa perkongsian guaman liabiliti terhad itu menjalankan perniagaan yang melanggar subseksyen (1),

melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penggulungan perkongsian guaman liabiliti terhad

40Y. (1) Walau apa pun seksyen 49 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Mahkamah Tinggi boleh, apabila permohonan dibuat oleh Majlis Peguam, memerintahkan penggulungan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) perkongsian guaman liabiliti terhad itu tidak mematuhi kehendak Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 40ZD yang berhubungan dengan perkongsian guaman liabiliti terhad; atau
- (b) amalan perkongsian guaman liabiliti terhad itu telah dikendalikan dengan cara yang tidak bersesuaian dengan martabat profesion undang-undang.

(2) Penggulungan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 hendaklah tanpa menjejaskan—

- (a) apa-apa hak untuk memulakan prosiding tatatertib terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan di bawah perkongsian guaman liabiliti terhad; atau
- (b) apa-apa hak Majlis Peguam atau Jawatankuasa Badan Peguam Negeri untuk melaksanakan apa-apa hak atau kuasa di bawah Akta ini.

Daftar perkongsian guaman liabiliti terhad

40z. (1) Majlis Peguam hendaklah—

- (a) menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi perkongsian guaman liabiliti terhad yang diluluskan di bawah seksyen 40R dalam bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam dan mempunyai jagaan terhadap daftar dan semua dokumen yang berhubungan dengannya; dan
- (b) membenarkan mana-mana orang memeriksa daftar yang disebut dalam perenggan (a) dengan cara yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam.

(2) Majlis Peguam hendaklah memasukkan nama perkongsian guaman liabiliti terhad yang diluluskan di bawah seksyen 40R ke dalam daftar.

(3) Majlis Peguam hendaklah mengeluarkan atau memotong nama suatu perkongsian guaman liabiliti terhad yang telah berhenti menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara atau yang telah digulungkan daripada daftar.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), Majlis Peguam boleh memasukkan semula nama perkongsian guaman liabiliti terhad itu ke dalam daftar bagi maksud membolehkan Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Badan Peguam Negeri atau mana-mana orang lain untuk melaksanakan apa-apa hak atau kuasa berhubung dengan perkongsian guaman liabiliti terhad itu di bawah Akta ini bagi atau yang berkaitan dengan—

- (a) amalan profesional, kesopanan, kelakuan dan tata tertib peguam bela dan peguam cara dan kerani di bawah Bahagian VI atau prosiding tata tertib di bawah Bahagian VII;
- (b) perlindungan klien atau bekas klien perkongsian guaman liabiliti terhad; atau
- (c) hak dan kuasa di bawah seksyen 119.

Hak merayu terhadap keputusan Majlis Peguam

40zA. Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Majlis Peguam di bawah seksyen 40R atau 40S boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi.

Bahagian ini mengatasi peruntukan perjanjian perkongsian liabiliti terhad yang tidak selaras

40zB. Bahagian ini dan mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 40ZD hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan yang tidak selaras dalam mana-mana perjanjian perkongsian liabiliti terhad.

Pemakaian Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan undang-undang bertulis lain ke atas perkongsian guaman liabiliti terhad

40zc. (1) Peruntukan Bahagian ini dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 40ZD hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

(2) Dalam hal apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini, peruntukan Bahagian ini hendaklah dipakai.

Kaedah-kaedah mengenai perkongsian guaman liabiliti terhad

40zD. (1) Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah bagi maksud Bahagian ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bagi—

- (a) perkara yang berhubungan dengan nama perkongsian guaman liabiliti terhad;

- (b) sekatan yang akan dikenakan ke atas orang atau golongan orang yang merupakan pekongsi atau pegawai pematuhan perkongsian guaman liabiliti terhad;
- (c) bayaran fi bagi permohonan yang dibuat di bawah Bahagian ini atau apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini;
- (d) penyimpanan akaun oleh perkongsian guaman liabiliti terhad; dan
- (e) sifat dan kandungan surat-menyurat rasmi, dokumen dan penerbitan yang dikeluarkan oleh perkongsian guaman liabiliti terhad.”.

Bahagian baharu VA

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 76 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VA

PUSAT BANTUAN GUAMAN MAJLIS PEGUAM

Tafsiran

76A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bantuan guaman” ertinya perkhidmatan guaman yang disediakan oleh Pusat kepada seseorang yang dibantu, termasuk mewakili orang yang dibantu dalam apa-apa prosiding;

“orang yang dibantu” ertinya orang yang memenuhi ujian kemampuan dan menerima bantuan guaman di bawah Bahagian ini;

“Pengarah” ertinya Pengarah Pusat Bantuan Guaman yang dilantik di bawah seksyen 76F;

“penjaga” berhubung dengan seseorang kanak-kanak, termasuklah mana-mana orang yang, pada pendapat Pengarah, dilantik dengan sepatutnya untuk menjadi sahabat wakil atau penjaga *ad litem* kanak-kanak itu;

“Pusat” ertinya Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam di bawah seksyen 76B;

“Sijil Bantuan Guaman” ertinya suatu sijil yang difailkan di mahkamah di bawah seksyen 76I;

“ujian kemampuan” ertinya ujian, yang dijalankan oleh Majlis Peguam, untuk menentukan kelayakan seseorang bagi bantuan guaman.

Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam

76B. (1) Majlis Peguam hendaklah mentadbir suatu pusat yang dikenali sebagai “Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam” dengan satu atau lebih cawangan dalam setiap Negeri bagi maksud menjalankan fungsi di bawah seksyen 76C.

(2) Pusat itu hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis Peguam, dan hendaklah—

- (a) mengemukakan kepada Majlis Peguam laporan aktiviti, akaun tahunannya yang diaudit oleh juruaudit Majlis Peguam dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis Peguam; dan
- (b) menyebabkan laporan audit tahunannya dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Malaysia.

Fungsi Pusat

76C. (1) Pusat hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menyediakan bantuan guaman kepada orang yang dibantu;
- (b) untuk menggalakkan kecelikan undang-undang dengan cara yang ditentukan dan diluluskan oleh Majlis Peguam;
- (c) untuk membantu orang awam dalam perkara yang berhubungan dengan keadilan;

- (d) untuk mengguna khidmat ahli Badan Peguam Malaysia dalam melaksanakan fungsinya;
- (e) untuk menubuhkan mana-mana cawangan di seluruh Malaysia dengan kerjasama Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang berkenaan;
- (f) untuk menyenggara akaun klien bagi mana-mana orang yang dibantu, mengikut apa-apa kaedah yang dibuat menurut seksyen 76M;
- (g) untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang berkenaan dengan, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya;
- (h) untuk menerima, sebagai balasan perkhidmatan yang diberikan olehnya, apa-apa fi atau perbelanjaan atau sumbangan daripada orang yang dibantu, atau apa-apa pembayaran kos yang mungkin diawardkan kepada orang yang dibantu, mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam; dan
- (i) untuk menubuhkan jawatankuasa dan jawatankuasa kecil sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi pelaksanaan fungsinya.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(a), Majlis Peguam boleh dalam hal keadaan khas, mengarahkan Pusat untuk menyediakan bantuan guaman kepada mana-mana orang yang tidak memenuhi ujian kemampuan.

Pejabat utama Pusat

76D. Pejabat utama Pusat hendaklah terletak di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Peguam.

Cawangan Pusat

76E. (1) Jika Pusat menubuhkan suatu cawangan dalam mana-mana negeri di luar pejabat utamanya, cawangan itu hendaklah diurus dan ditadbir oleh Pusat, dengan bantuan Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang berkenaan.

(2) Majlis Peguam hendaklah mewakili kuasanya, sebagaimana yang difikirkannya perlu, kepada Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang berkenaan bagi maksud pentadbiran cawangan Pusat.

(3) Mana-mana cawangan Pusat hendaklah juga bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang berkenaan.

Pelantikan Pengarah dan kakitangan Pusat

76F. (1) Majlis Peguam boleh mengambil kerja dan menyara mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Pengarah yang bertanggungjawab—

- (a) bagi pengurusan dan pentadbiran harian Pusat dan aktivitiinya;
- (b) bagi penyediaan program dan projek dalam melaksanakan fungsi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Peguam; dan
- (c) untuk melaksanakan semua arahan Majlis Peguam.

(2) Majlis Peguam boleh mengambil kerja dan menyara mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi kakitangan Pusat untuk membantu Pengarah dalam melaksanakan fungsi Pusat.

Permohonan bagi bantuan guaman

76G. (1) Mana-mana orang sama ada atas haknya sendiri atau atas sifatnya sebagai wakil yang berkehendakkan bantuan guaman diberikan di bawah Bahagian ini hendaklah membuat permohonan kepada Pusat.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pemohon hendaklah mengemukakan maklumat yang lengkap, benar dan tepat dalam permohonan itu.

Memorandum Pemberitahuan

76H. (1) Pusat hendaklah, apabila menerima permohonan di bawah seksyen 76G, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, memberitahu mana-mana pihak yang berkaitan dan memfailkan Memorandum Pemberitahuan dalam Borang 1 Jadual Kedua di mahkamah yang di dalamnya prosiding telah dimulakan.

(2) Sekiranya suatu Memorandum Pemberitahuan difailkan di bawah subseksyen (1), semua prosiding hendaklah, melainkan jika diperintahkan sebaliknya oleh mahkamah yang di dalamnya prosiding itu belum selesai, digantung bagi suatu tempoh tidak melebihi dua puluh satu hari untuk membolehkan siasatan dibuat oleh Pusat mengenai kelayakan pemohon bagi bantuan guaman sebelum Sijil Bantuan Guaman dikeluarkan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pemfailan Memorandum Pemberitahuan tidak boleh menjejaskan—

- (a) pembuatan suatu perintah interlokutori bagi suatu injunksi, atau bagi pelantikan seorang penerima atau pengurus;
- (b) pembuatan suatu perintah untuk mengelakkan keluputan sesuatu kaveat terhadap urusan mengenai tanah;
- (c) pembuatan apa-apa perintah lain yang, pada pendapat mahkamah yang di dalamnya prosiding itu belum selesai, perlu untuk mencegah ketidakadilan;
- (d) permulaan atau penerusan prosiding untuk memperoleh, menguatkuasakan atau melaksanakan, apa-apa perintah yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c) atau dekri dengan kesan sedemikian, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mahkamah yang di dalamnya prosiding itu belum selesai.

Sijil Bantuan Guaman

76I. Jika Pusat berpuas hati bahawa pemohon di bawah seksyen 76G layak bagi bantuan guaman, Pusat boleh mewakili pemohon dengan memfailkan suatu Sijil Bantuan Guaman dalam Borang 2 Jadual Kedua di mahkamah yang di dalamnya prosiding itu belum selesai, dan pemohon hendaklah menjadi orang yang dibantu.

Orang yang dibantu tidak bertanggung untuk membayar kos

76J. (1) Orang yang dibantu tidak boleh, melainkan jika diperuntukkan secara nyata di bawah Akta ini, bertanggung bagi apa-apa kos kepada mana-mana pihak lain dalam mana-mana prosiding yang Sijil Bantuan Guaman itu berkaitan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mana-mana orang yang menjalankan apa-apa siasatan, menyediakan atau menyiarkan apa-apa laporan, memberikan apa-apa pendapat, atau menjalankan apa-apa prosiding, tidak boleh mengambil, atau bersetuju untuk mengambil atau meminta apa-apa fi, keuntungan atau hadiah daripada orang yang dibantu.

Bantuan guaman diperoleh melalui fraud, *dsb.*

76K. (1) Jika Pusat mendapati bahawa mana-mana orang memperoleh bantuan guaman melalui fraud atau salah nyataan, Pusat hendaklah membatalkan Sijil Bantuan Guaman dengan memfailkan suatu Notis Pembatalan Sijil Bantuan Guaman dalam Borang 3 Jadual Kedua di mahkamah dan notis itu hendaklah disampaikan kepada pihak lain dalam prosiding itu.

(2) Apabila notis pembatalan difailkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) Pusat hendaklah terhenti untuk mewakili orang itu;
- (b) semua prosiding hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh mahkamah yang di dalamnya prosiding itu belum selesai, digantung bagi tempoh empat belas hari; dan
- (c) Pusat berhak untuk dibayar balik semua wang yang dibayar dan semua fi guaman bagi kerja yang dibuat bagi orang itu.

Kos bagi bantuan guaman yang diperoleh melalui fraud, *dsb.*

76L. (1) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang telah memperoleh bantuan guaman melalui fraud atau salah nyataan untuk membayar kos kepada Pusat atau kepada pihak yang lain atau kepada kedua-duanya.

(2) Kos kepada Pusat di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh mahkamah, dibayar kepada Pusat dan hendaklah termasuk—

- (a) apa-apa fi dan caj yang wajar bagi kerja yang dilakukan; dan
- (b) apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Pusat.

Majlis Peguam boleh membuat kaedah-kaedah

76M. (1) Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Bahagian ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam boleh mengadakan peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) apa-apa fi, caj dan kos, termasuk apa-apa fi bagi mana-mana peguam bela dan peguam cara, berhubung dengan apa-apa prosiding yang orang yang dibantu merupakan suatu pihak;
- (b) mendapatkan kembali apa-apa wang yang kena dibayar berkenaan dengan bantuan guaman, atau bagi penguatkuasaan apa-apa perintah atau perjanjian bagi kos yang dibuat secara yang memihak kepada orang yang dibantu;
- (c) apa-apa peruntukan yang berhubung dengan orang yang layak dan sesuai di bawah seksyen 76F; dan

(d) apa-apa perubahan hal keadaan orang yang dibantu.”.

Pindaan seksyen 77

13. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa lain untuk membuat kaedah-kaedah yang diperuntukkan di bawah Akta ini, Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia peguam bela dan peguam cara dan pelatih bagi yang berikut:

- (a) amalan, kesopanan, kelakuan dan tatatertib profesional;
- (b) fi;
- (c) gaji;
- (d) elaun;
- (e) keadaan kerja; dan
- (f) penerimaan masuk.”.

Pindaan seksyen 78A

14. Seksyen 78A Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “dan perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “dan perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (iii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “dan perkongsian guaman liabiliti terhad”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “dan perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) menghendaki peguam bela dan peguam cara dan perkongsian guaman liabiliti terhad membuat pembayaran dengan cara sumbangan atau premium atas apa-apa tanggung rugi atau polisi yang diambil di bawah subseksyen (1) dan mengadakan peruntukan bagi prosiding oleh Badan Peguam Malaysia atau penanggung insuransnya terhadap mana-mana peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang tidak berbuat demikian untuk mendapatkan sumbangan atau premium yang wajar;”;

- (iii) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) menetapkan syarat yang mesti dipenuhi oleh suatu tanggung rugi profesional atau polisi insurans bagi maksud perenggan (1)(b) atau (c);

(iv) dalam perenggan (f)—

- (A) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (B) dengan menggantikan perkataan “terhadapnya” dengan perkataan “terhadap peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;

- (v) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “melainkan jika dia telah mengambil insurans” dengan perkataan “melainkan jika dia telah ditanggung rugi atau telah mengambil insurans”; dan
- (vi) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
 - “(ga) menetapkan bahawa suatu perkongsian guaman liabiliti terhad tidak boleh menjalankan amalan seseorang peguam bela dan peguam cara melainkan jika perkongsian guaman liabiliti terhad itu telah ditanggung rugi atau telah mengambil insurans sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini bagi tempoh yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah itu;” dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:
 - “(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan hak mana-mana peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad, sebagai tambahan kepada tanggung rugi yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, untuk menginsuranskan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu selanjutnya terhadap kerugian yang berbangkit akibat daripada apa-apa tuntutan yang mungkin dimulakan terhadap peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu.”.

Pindaan seksyen 80

15. Seksyen 80 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

“(8) Jika Majlis Peguam berpuas hati dengan bukti yang dikemukakan bahawa mana-mana orang telah menanggung kerugian akibat ketidakjujuran di pihak peguam bela dan peguam cara, perkongsian guaman liabiliti terhad, atau mana-mana kerani atau pekhidmat peguam bela dan peguam cara atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad, berkaitan dengan amalan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu di Malaysia sebagai seorang peguam bela dan peguam cara atau dengan apa-apa amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu ialah pemegang amanah, maka tertakluk kepada seksyen ini, Badan Peguam Malaysia boleh, jika Majlis Peguam fikirkan adil dan munasabah, membuat suatu pemberian kepada orang itu daripada Kumpulan Wang bagi maksud mengurangkan atau meringankan kerugian itu.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (9) dengan subseksyen yang berikut:

“(9) Sesuatu pemberian boleh dibuat di bawah seksyen ini sama ada atau tidak—

- (a) peguam bela dan peguam cara yang disebut dalam subseksyen (8) mempunyai suatu sijil amalan yang sah apabila perbuatan ketidakjujuran itu dilakukan, dan walau apa pun kemudian daripada perbuatan itu dilakukan peguam bela dan peguam cara itu telah mati atau namanya telah dikeluarkan atau dipotong daripada Daftaraai atau telah berhenti menjalankan amalan atau telah digantung daripada menjalankan amalan; atau

- (b) perkongsian guaman liabiliti terhad itu telah berhenti menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara atau telah digulung.”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (10) dengan subseksyen yang berikut:

“(10) Apabila apa-apa pemberian dibuat oleh Badan Peguam Malaysia di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kerugian—

- (a) Badan Peguam Malaysia hendaklah, setakat amaun pemberian itu, disubrogasi kepada semua hak dan remedi sebagai orang yang kepadanya pemberian itu dibuat terhadap peguam bela dan peguam cara, perkongsian guaman liabiliti terhad, atau kerani atau pekhidmat peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, berkenaan dengan kerugian itu; dan
 - (b) orang yang kepadanya pemberian itu dibuat tidak mempunyai apa-apa hak dengan cara kebangkrapan, penggulungan atau prosiding undang-undang lain atau selainnya untuk menerima apa-apa wang daripada aset peguam bela dan peguam cara, perkongsian guaman liabiliti terhad, atau kerani atau pekhidmat peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, berkenaan dengan kerugian itu sehingga Kumpulan Wang itu telah dibayar balik dengan amaun penuh pemberian itu.”; dan
- (d) dengan menggantikan subseksyen (11) dengan subseksyen yang berikut:

“(11) Sebutan dalam subseksyen (10) kepada orang yang kepadanya pemberian itu dibuat atau peguam bela dan peguam cara, perkongsian guaman libiliti terhad, atau kerani atau pekhidmat peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman libiliti

terhad itu hendaklah termasuk, dalam hal kematian, ketidaksolvenan atau ketidakupayaan lain peguam bela dan peguam cara, perkongsian guaman liabiliti terhadap, atau kerani atau pekhidmat peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu, sebutan mengenai wakil dirinya atau mana-mana orang lain yang mempunyai kuasa untuk mentadbir hartanya atau asetnya.”.

Penggantian seksyen 82

16. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 82 dengan seksyen yang berikut:

“Peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap bertindak sebagai ejen

82. (1) Seseorang peguam bela dan peguam cara atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhadap tidak boleh dengan sengaja dan dengan diketahuinya—

- (a) bertindak sebagai ejen dalam apa-apa prosiding undang-undang atau perkara yang di bawah Akta ini hanya boleh dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara yang mempunyai sijil amalan yang sah bagi peguam bela dan peguam cara lain yang tidak mempunyai sijil amalan yang sah atau perkongsian guaman liabiliti terhadap lain yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara;
- (b) membenarkan namanya digunakan, dalam apa-apa prosiding undang-undang atau perkara yang di bawah Akta ini hanya boleh dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara yang mempunyai sijil amalan yang sah atau oleh suatu perkongsian guaman liabiliti terhadap yang diberi kuasa untuk menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara, oleh atau bagi keuntungan peguam bela dan peguam cara lain yang tidak mempunyai sijil amalan yang sah atau perkongsian guaman liabiliti terhadap lain yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara;

- (c) menghantar apa-apa proses undang-undang kepada peguam bela dan peguam cara lain yang tidak mempunyai sijil amalan yang sah atau perkongsian guaman liabiliti terhad lain yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara; atau
- (d) melakukan apa-apa perbuatan lain yang membolehkan peguam bela dan peguam cara lain yang tidak mempunyai sijil amalan yang sah atau perkongsian guaman liabiliti terhad lain yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara, untuk hadir, bertindak, menjalankan amalan atau berbuat sesuatu berupa sebagai menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara dalam apa-apa prosiding undang-undang atau perkara yang di bawah Akta ini hanya boleh dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara yang mempunyai sijil amalan yang sah atau oleh perkongsian guaman liabiliti terhad yang diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara.

(2) Seseorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang tidak diberi kuasa untuk mengendalikan—

- (a) apa-apa akaun bank atas namanya atau atas nama firmanya atau atas nama perkongsian guaman liabiliti terhad yang dia menjalankan amalan; dan
- (b) apa-apa akaun bank yang disenggara olehnya atau oleh firmanya, atau oleh perkongsian guaman liabiliti terhad yang dia menjalankan amalan, berkaitan dengan amalannya sebagai peguam bela dan peguam cara.

(3) Suatu perkongsian guaman liabiliti terhad tidak boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang tidak diberi kuasa atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara untuk mengendalikan—

- (a) apa-apa akaun bank atas namanya; dan
- (b) apa-apa akaun bank yang disenggara oleh perkongsian guaman liabiliti terhad, berkaitan dengan amalannya sebagai peguam bela dan peguam cara.

(4) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang melanggar subseksyen (1) atau (2), atau mana-mana pekongsi atau orang lain yang terlibat dalam pengurusan atau kawalan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad yang melanggar subseksyen (3), boleh dikenakan prosiding tatatertib.

(5) Mana-mana orang tidak diberi kuasa yang bertindak atau menjalankan amalan atau berbuat sesuatu berupa sebagai menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara atau mana-mana perkongsian liabiliti terhad yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan atau berbuat sesuatu berupa sebagai menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 83

17. Seksyen 83 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan **“Peguam bela dan peguam cara”** perkataan **“dan perkongsian guaman liabiliti terhad”**;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh, berkaitan dengan amalannya,” dengan perkataan “Tiada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad boleh, berkaitan dengan amalan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu,”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “dia ketahui” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu ketahui”;

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh, berkaitan dengan amalannya” dengan perkataan “tiada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad boleh berkaitan dengan amalan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “oleh seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”;

(d) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”;

(e) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan memotong perkataan “bagi maksud ini”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;

(f) dalam subseksyen (5)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Sebelum seseorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “amalannya sebagai demikian, dia hendaklah” dengan perkataan “amalan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu sebagai demikian, peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu hendaklah”; dan

- (g) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Mana-mana peguam bela dan peguam cara, atau mana-mana pekongsi atau orang lain yang terlibat dalam pengurusan atau kawalan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad, yang melanggar seksyen ini boleh dikenakan prosiding tatatertib.”.

Pindaan seksyen 84

18. Seksyen 84 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan **“Peguam bela dan peguam cara”** perkataan **“atau perkongsian guaman liabiliti terhad”**;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad bertindak bagi pihak suatu pemaju perumahan dalam suatu jualan harta tak alih yang dimajukan di bawah suatu pemajuan perumahan—

- (a) peguam bela dan peguam cara itu atau mana-mana peguam bela dan peguam cara lain firma yang peguam bela dan peguam cara itu ialah pekongsi atau pekerja; atau

- (b) perkongsian guaman liabiliti terhad atau mana-mana peguam bela dan peguam cara perkongsian guaman liabiliti terhad itu,

tidak boleh dalam transaksi yang sama bertindak bagi pihak pembeli harta itu.”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Suatu perjanjian bertulis yang disediakan oleh—

- (a) peguam bela dan peguam cara atau mana-mana peguam bela dan peguam cara lain firma yang peguam bela dan peguam cara itu ialah pekongsi atau pekerja; atau
- (b) perkongsian guaman liabiliti terhad atau mana-mana peguam bela dan peguam cara daripada perkongsian guaman liabiliti terhad itu,

yang bertindak bagi pihak pemaju berkenaan dengan transaksi itu hendaklah diperiksa dengan rapi oleh peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak bagi pihak pembeli.

(1B) Jika perjanjian bertulis berkenaan dengan transaksi yang disebut dalam subseksyen (1A) tidak diperiksa dengan rapi oleh peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak bagi pihak pembeli itu, peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan hendaklah memperoleh suatu sijil yang ditandatangani oleh pembeli itu yang menunjukkan bahawa pembeli itu tidak berniat untuk menugaskan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad untuk memeriksa dengan rapi perjanjian itu bagi pihaknya.”;

- (d) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Bagi maksud seksyen ini, sijil di bawah subseksyen (1B) hendaklah ditandatangani oleh pembeli di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang bukan seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan dengan atau pekerja firma guaman Malaysia, yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan itu.”;

- (e) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam caranya sendiri” dengan perkataan “peguam bela dan peguam caranya atau perkongsian guaman liabiliti terhadapnya sendiri”; dan
- (f) dalam subseksyen (5)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Subseksyen (1)” dengan perkataan “Subseksyen (1), (1A) dan (1B)”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhadap”.

Pindaan seksyen 86

19. Seksyen 86 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**peguam cara**” dengan perkataan “**peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhadap”;
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “seseorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhadap”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “yang ada dalam jagaan atau kawalannya” dengan perkataan “yang ada dalam jagaan atau kawalan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu”; dan

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Sekiranya peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu mengatakan bahawa peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad ada tuntutan untuk kos, Mahkamah atau Hakim boleh membuat apa-apa peruntukan, yang difikirkannya patut dan munasabah, untuk pembayarannya atau sekuritinya atau untuk melindungi lien peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, jika ada.”.

Pindaan seksyen 87

20. Seksyen 87 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**oleh peguam bela dan peguam cara**”; dan
- (b) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “antara peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “wang kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “amaun yang kena dibayar sedemikian oleh peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 88

21. Seksyen 88 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika Majlis Peguam mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) seseorang peguam bela dan peguam cara;
- (b) sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad; atau
- (c) mana-mana kerani atau pekhidmat peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad,

bersalah atas ketidakjujuran berkaitan dengan amalan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu sebagai peguam bela dan peguam cara atau berkaitan dengan apa-apa amanah yang peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu menjadi pemegang amanah, Majlis Peguam boleh mengeluarkan suatu sijil bagi maksud itu dan oleh sebab itu Jadual Pertama, kecuali perenggan 7 Jadual itu, hendaklah terpakai berhubung dengan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Jika nama seseorang peguam bela dan peguam cara dikeluarkan atau dipotong daripada Daftaraai atau seseorang peguam bela dan peguam cara digantung daripada menjalankan amalan, peguam bela dan peguam cara itu atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang dia menjalankan amalan itu hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh yang material itu, memuaskan hati Majlis Peguam bahawa peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu telah membuat perkiraan yang sesuai untuk

mengadakan kepada klien peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, atau kepada peguam bela dan peguam cara lain atau peguam bela dan peguam cara yang diarahkan oleh klien peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, atau olehnya sendiri atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu—

(a) semua surat ikatan, wasiat, dokumen yang menjadi bukti atau membuktikan hakmilik terhadap apa-apa harta, kertas, buku akaun, rekod, baucar dan dokumen lain—

(i) yang ada dalam milikan atau kawalan peguam bela dan peguam cara, atau dalam milikan atau kawalan firma peguam bela dan peguam cara itu atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang peguam bela dan peguam cara itu menjalankan amalan;

(ii) yang berhubungan dengan apa-apa amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih pekongsinya, keraninya atau pekhidmatnya; atau

(iii) yang berhubungan dengan apa-apa amanah yang baginya perkongsian guaman liabiliti terhad itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih keraninya atau pekhidmatnya; dan

(b) semua wang yang—

(i) kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya kepada kliennya atau klien firmanya, atau kena dibayar oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu kepada kliennya;

- (ii) dipegang oleh peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya bagi pihak kliennya atau klien firmanya, atau dipegang oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu bagi pihak kliennya; atau
 - (iii) tertakluk kepada apa-apa amanah yang disebut dalam perenggan (a).”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Jika peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu tidak memuaskan hati Majlis Peguam, Jadual Pertama hendaklah terpakai berhubung dengan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu.”; dan
- (d) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Jadual” dengan perkataan “Jadual Pertama”.

Pindaan seksyen 89

22. Seksyen 89 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**dalam milik peguam bela dan peguam cara**”; dan
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) suatu aduan dibuat kepada Majlis Peguam bahawa telah ada kelewatan yang tidak sepatutnya pada pihak—
 - (i) peguam bela dan peguam cara berkaitan dengan apa-apa perkara yang peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya telah diarahkan bagi pihak kliennya atau klien firmanya;

- (ii) suatu perkongsian guaman liabiliti terhadap berkaitan dengan apa-apa perkara yang perkongsian guaman liabiliti terhadap itu telah diarahkan bagi pihak kliennya; atau
 - (iii) apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran sesuatu amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih pekongsinya, keraninya atau pekhidmatnya; atau
 - (iv) apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran sesuatu amanah yang baginya perkongsian guaman liabiliti terhadap itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih keraninya atau pekhidmatnya;”;
- (ii) dalam perenggan (*b*), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhadap”;
- (iii) dalam perenggan (*c*), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhadap”;
- (iv) dengan menggantikan perenggan (*d*) dengan perenggan yang berikut:
- “(d) peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu telah diberitahu secara bertulis oleh Majlis Peguam bahawa peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu gagal memberi penjelasan itu,”;

- (v) dengan menggantikan perkataan “Jadual” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual Pertama”;
- (vi) dengan memasukkan selepas perkataan “berhubung dengan peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (vii) dalam proviso, dengan memasukkan selepas perkataan “dalam amalan peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 90

23. Subseksyen 90(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jadual” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual Pertama”.

Pindaan seksyen 91

24. Subseksyen 91(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jadual” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual Pertama”.

Pindaan seksyen 94

25. Subseksyen 94(3) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (*n*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (*o*), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (o) perenggan yang berikut:

“(p) kegagalan tanpa alasan yang munasabah untuk memastikan sebagai seorang pekongsi, atau sebagai seseorang yang terlibat dalam pengurusan atau kawalan, suatu perkongsian guaman liabiliti terhad supaya perkongsian guaman liabiliti terhad itu mematuhi kehendak Akta ini dan semua kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya atau apa-apa arahan atau keputusan Majlis Peguam.”.

Pindaan kepala Bahagian VIII

26. Bahagian VIII Akta ibu dipinda dalam kepala dengan memasukkan selepas perkataan “PEGUAM CARA” perkataan “DAN PERKONGSIAN GUAMAN LIABILITI TERHAD”.

Pindaan seksyen 112

27. Seksyen 112 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Larangan membeli kepentingan klien”; dan

(b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “tiada seorang pun, peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “kliennya” dengan perkataan “klien peguam bela dan peguam cara atau klien perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
- (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dia ditempah” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu ditempah”.

Pindaan seksyen 113

28. Seksyen 113 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “dan perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (b) dalam perenggan 4(a), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:
 - “(a) pengambilan oleh seseorang peguam bela dan peguam cara atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad daripada klien peguam bela dan peguam cara atau klien perkongsian guaman liabiliti terhad itu cagaran bagi pembayaran apa-apa saraan, yang ditentukan dengan cara penetapan atau selainnya, yang mungkin kena dibayar kepada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu di bawah perintah itu; dan”;
- (d) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 114

29. Seksyen 114 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Perjanjian untuk saraan daripada klien”;

- (b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “seseorang peguam bela dan peguam cara dan kliennya” perkataan “atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad dan kliennya”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (d) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
 - (ii) dalam proviso, dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 115

30. Seksyen 115 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kos perundingan penggadai janji”;

- (b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Jika suatu gadai janji dibuat kepada seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu, atau firma yang dia ialah seorang ahlinya” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu, firma yang peguam bela dan peguam cara itu ialah seorang ahlinya atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang peguam bela dan peguam cara itu menjalankan amalan”;

- (iii) dengan menggantikan perkataan “semua urusan yang dijalankan olehnya atau oleh firma itu dan berkenaan dengan semua perbuatan yang dilakukan olehnya atau oleh firma itu” dengan perkataan “semua urusan yang dijalankan dan perbuatan yang dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara itu, firma itu atau oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;
- (iv) dengan menggantikan perkataan “apa-apa kos biasa yang dia atau firma itu” dengan perkataan “apa-apa kos biasa yang peguam bela dan peguam cara, firma atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
- (v) dengan menggantikan perkataan “dan penggadai janji itu telah menempah dan mengguna khidmatnya atau firma itu” dengan perkataan “atau suatu entiti yang bukan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad dan penggadai janji itu telah menempah dan mengguna khidmat peguam bela dan peguam cara, firma atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “seorang peguam bela dan peguam cara sama ada dia seorang atau bersesama” dengan perkataan “seorang peguam bela dan peguam cara atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad, sama ada secara berseorangan atau bersesama”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu, atau oleh firma yang dia ialah seorang ahlinya,” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu, firma yang peguam bela dan peguam cara ialah seorang ahlinya atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang peguam bela dan peguam cara itu menjalankan amalan”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “dia atau firma itu” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu, firma itu atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;

- (iv) dengan menggantikan perkataan “apa-apa kos biasa yang dia atau firma itu” perkataan “apa-apa kos biasa yang peguam bela dan peguam cara itu, firma itu atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;
- (v) dengan memasukkan selepas perkataan “seorang yang bukan seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu entiti yang bukan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (vi) dengan menggantikan perkataan “dan penggadai janji itu telah menempah dan mengguna khidmatnya” dengan perkataan “dan penggadai janji itu telah menempah dan mengguna khidmat peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”.

Pindaan seksyen 116

31. Seksyen 116 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Perjanjian bagi kos urusan bertikaian”; dan

- (b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “seseorang peguam bela dan peguam cara boleh membuat suatu perjanjian secara bertulis dengan kliennya” dengan perkataan “seseorang peguam bela dan peguam cara atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad boleh membuat suatu perjanjian secara bertulis dengan kliennya”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “mana-mana bahagian daripada kosnya” dengan perkataan “mana-mana bahagian daripada kos peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;

- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara itu” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
- (iv) dengan menggantikan perkataan “kadar yang dengannya dia akan selainnya berhak disara” dengan perkataan “kadar yang dengannya peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu akan selainnya berhak disara”.

Pindaan seksyen 117

32. Seksyen 117 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dalam proviso—

- (i) dengan menggantikan perkataan “apa-apa perjanjian itu” dengan perkataan “perjanjian itu”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam caranya sendiri” perkataan “atau kepada perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak baginya”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;

(c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Suatu peruntukan dalam mana-mana perjanjian itu yang menyatakan bahawa peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu tidak bertanggungjawab terhadap kecuaian, atau bahawa peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu hendaklah dilepaskan daripada apa-apa tanggungjawab yang kepadanya peguam bela

dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu tertakluk sebagai peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad jika tidak ada peruntukan itu, tidak sah secara keseluruhan.”.

Pindaan seksyen 118

33. Seksyen 118 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu dibayar balik olehnya,” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu dibayar balik oleh peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu,”; dan
- (b) dalam perenggan (7)(b)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara itu” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “memerintahkannya membayar balik amaun yang diterimanya sedemikian” dengan perkataan “memerintahkan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu untuk membayar balik amaun yang diterima sedemikian”.

Pindaan seksyen 119

34. Seksyen 119 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kesan perjanjian yang belum disempurnakan akibat kematian peguam bela dan peguam cara atau penggulungan perkongsian guaman liabiliti terhad”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhadap telah membuat sesuatu perjanjian dengan klien mereka masing-masing menurut seksyen 116 dan sesuatu telah dilakukan di bawah perjanjian itu, tetapi sebelum perjanjian itu disempurnakan sepenuhnya oleh peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu—

(a) peguam bela dan peguam cara itu mati atau menjadi tidak berupaya bertindak atas apa-apa sebab; atau

(b) perkongsian guaman liabiliti terhadap itu digulungkan atau menjadi tidak berupaya bertindak atas apa-apa sebab lain,

suatu permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah oleh mana-mana pihak dalam perjanjian itu atau oleh wakil pihak itu, dan Mahkamah itu dengan itu mempunyai kuasa yang sama untuk menguatkuasakan atau mengetepikan perjanjian itu, jika tindakan belum diambil ke atasnya.”; dan

- (c) dalam subseksyen (4)—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “seorang”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhadap”.

Pindaan seksyen 120

35. Seksyen 120 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam caranya” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhadap yang bertindak bagi pihaknya”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “perjanjian itu mengikut pengertian seksyen ini” dengan perkataan “perjanjian itu”;
- (b) dalam subseksyen (2)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “seseorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “penukaran peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “yang akan dibayar kepadanya” dengan perkataan “yang akan dibayar kepada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “kelakuan lain yang tidak patut pada pihaknya” dengan perkataan “kelakuan lain yang tidak patut pada pihak peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
 - (iv) dengan memasukkan selepas perkataan “menukar peguam bela dan peguam caranya” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak bagi pihaknya”.

Pindaan seksyen 121

36. Seksyen 121 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**peguam bela dan peguam cara**”; dan
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “saraan bagi seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “yang dilakukan olehnya” dengan perkataan “yang dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;
 - (iii) dengan memotong perkataan “bagi peguam cara”;
 - (iv) dengan memasukkan selepas perkataan “opsyen peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
 - (v) dalam proviso, dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Penggantian seksyen 122

37. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 122 dengan seksyen yang berikut:

“Tafsiran

122. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“peguam bela dan peguam cara” termasuklah wasi, pentadbir dan pemegang serah hak seseorang peguam bela dan peguam cara;

“perkongsian guaman liabiliti terhad” termasuklah penerima, pengurus dan penyelesaian bagi suatu perkongsian guaman liabiliti terhad.”.

Pindaan seksyen 123

38. Seksyen 123 Akta itu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Hak mengenakan caj ke atas harta untuk mendapatkan kos”;

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “seorang peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “mengisytiharkan peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (d) dengan menggantikan perkataan “kos peguam bela dan peguam cara itu yang ditetapkan” dengan perkataan “kos peguam bela dan peguam cara atau kos perkongsian guaman liabiliti terhad yang ditetapkan”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perkataan “terhadap peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Penggantian seksyen 124

39. Akta itu dipinda dengan menggantikan seksyen 124 dengan seksyen yang berikut:

“Larangan membawa guaman untuk mendapatkan kos sehingga telah diserahkan bil kos

124. (1) Tertakluk kepada Akta ini, tiada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, memulakan atau mengekalkan apa-apa tindakan untuk mendapatkan kembali apa-apa kos yang

kena dibayar bagi apa-apa urusan yang dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu, sehingga tamat tempoh tiga puluh hari selepas peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu menyerahkan bil kos itu kepada pihak yang ke atasnya hendak dipertanggungkan kos itu, melalui pos atau dengan cara elektronik, atau ditinggalkan kepadanya, di pejabatnya atau di tempat perniagaannya, di rumah kediamannya atau di tempat tinggalnya yang akhir diketahui.

(2) Bil kos di bawah subseksyen (1)—

(a) hendaklah ditandatangani—

(i) oleh peguam bela dan peguam cara itu;

(ii) dalam hal perkongsian atau perkongsian guaman liabiliti terhadap, oleh mana-mana pekongsinya, sama ada dengan namanya sendiri atau dengan nama atau gelaran perkongsian itu atau perkongsian guaman liabiliti terhadap itu; atau

(iii) oleh peguam bela dan peguam cara lain yang diguna khidmat oleh peguam bela dan peguam cara yang disebut dalam subperenggan (i) atau oleh perkongsian itu atau perkongsian guaman liabiliti terhadap yang disebut dalam subperenggan (ii); atau

(b) hendaklah dilampirkan dalam atau disertakan dengan, suatu surat yang ditandatangani oleh orang yang disebut dalam perenggan (a), yang merujuk kepada bil kos itu.

(3) Jika suatu bil kos telah diserahkan mengikut subseksyen (1), bil kos itu hendaklah dianggap bil kos *bona fide* yang mematuhi Akta ini sehingga dibuktikan sebaliknya.”.

Penggantian seksyen 125

40. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 125 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah membenarkan permulaan tindakan

125. Mahkamah boleh membenarkan, sebelum tamat tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil kos itu, seseorang peguam bela dan peguam cara atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad memulakan tindakan untuk mendapatkan kembali kos dan juga merujuk bil kos itu untuk ditetapkan oleh Pendaftar jika terdapat bukti bahawa mana-mana pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan bil itu—

- (a) berniat untuk meninggalkan Malaysia;
- (b) mempunyai perintah kebangkrapan yang dibuat terhadapnya;
- (c) mempunyai persetujuan yang telah dicapai dengan pemiutangnya; atau
- (d) telah mengambil apa-apa langkah lain atau melakukan apa-apa perbuatan lain yang pada pendapat mahkamah mungkin mengecewakan atau melengahkan peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu memperoleh bayaran.”.

Pindaan seksyen 126

41. Seksyen 126 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “atau kepada peguam bela dan peguam cara” dengan perkataan “, atau kepada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “oleh peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang klien peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad bersetuju untuk penetapan bil kos, Pendaftar boleh bertindak menetapkan bil itu.”.

Pindaan seksyen 127

42. Seksyen 127 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara salah satu pihak” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak bagi salah satu pihak”.

Pindaan seksyen 128

43. Seksyen 128 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Had masa bagi penetapan bil kos”; dan

- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “bil kos seorang peguam cara, kecuali atas notis yang diberikan kepada peguam bela dan peguam cara” dengan perkataan “suatu bil kos, kecuali atas notis yang diberikan kepada peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 129

44. Seksyen 129 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 130**45. Seksyen 130 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan **“peguam cara”**; dan

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan **“bil kos peguam cara”** dengan perkataan **“bil kos”**; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan **“peguam bela dan peguam cara boleh, tertakluk kepada apa-apa lien yang peguam bela dan peguam cara itu mungkin ada”** dengan perkataan **“peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad boleh, tertakluk kepada apa-apa lien yang peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu mungkin ada”**.

Pindaan seksyen 131**46. Seksyen 131 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Mahkamah boleh memerintahkan penyerahan salinan bil kos kepada pemohon”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan **“peguam bela dan peguam cara itu menyerahkan kepada pihak yang membuat permohonan itu suatu salinan bil itu”** dengan perkataan **“peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu menyerahkan kepada pihak yang membuat permohonan itu suatu salinan bil kos itu”**.

Pindaan seksyen 132

47. Seksyen 132 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “antara peguam bela dan peguam cara dengan klien hendaklah dibuat mengikut cara yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi” dengan perkataan “di bawah Akta ini hendaklah dibuat mengikut cara yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012]”.

Penggantian seksyen 133

48. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 133 dengan seksyen yang berikut:

“Pendaftar boleh membenarkan bunga dikenakan ke atas wang yang dibelanjakan

133. Pendaftar boleh membenarkan bunga dikenakan pada apa-apa kadar dan mulai pada bila-bila masa yang difikirkannya adil dan munasabah atas—

(a) wang yang dibelanjakan bagi kliennya oleh;

(b) wang klien yang ada dalam tangan; dan

(c) wang klien yang tidak sepatutnya dipegang oleh,

seseorang peguam bela dan peguam cara atau sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad.”.

Pindaan seksyen 134

49. Seksyen 134 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**kena dibayar oleh peguam cara**”;

(b) dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan

(c) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Jika apa-apa perintah untuk penetapan” dengan perkataan “Jika suatu perintah untuk penetapan bagi suatu bil kos”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “permohonan peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan seksyen 141

50. Seksyen 141 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan **“peguam bela dan peguam cara”** perkataan **“atau perkongsian guaman liabiliti terhad”**;

(b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “akaun peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “oleh peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”; dan

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “menyimpan suatu akaun bagi wang kliennya” dengan perkataan “atau suatu perkongsian guaman liabiliti terhad menyimpan suatu akaun wang klien”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “tanggungan peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”.

Pindaan Jadual

51. Jadual kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menamakan semula Jadual yang sedia ada sebagai “JADUAL PERTAMA”;
- (b) dalam kepala, dengan memotong perkataan “PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA DALAM HAL TERTENTU”;
- (c) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:
 - “1. Majlis Peguam boleh menghendaki supaya dikemukakan atau diserahkan kepada mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis Peguam pada masa dan di tempat yang akan ditetapkan oleh Majlis Peguam, dan boleh mengambil milikan, semua surat ikatan, wasiat, dokumen yang menjadi bukti atau membuktikan hakmilik terhadap apa-apa harta, kertas, buku akaun, rekod, baucar dan dokumen lain yang ada dalam milikan atau kawalan peguam bela dan peguam cara itu, atau yang ada dalam milikan atau kawalan firma peguam bela dan peguam cara itu atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang dia menjalankan amalan, atau yang berhubungan dengan apa-apa amanah yang—
 - (a) peguam bela dan peguam cara itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih pekongsinya, keraninya atau pekhidmatnya; atau
 - (b) perkongsian guaman liabiliti terhad itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih keraninya atau pekhidmatnya.”;
- (d) dalam perenggan 3, dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad”;
- (e) dalam perenggan 5, dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara” perkataan “, perkongsian guaman liabiliti terhad”;

- (f) dalam perenggan 7, dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya” perkataan “, atau atas nama perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;
- (g) dengan menggantikan perenggan 9 dengan perenggan yang berikut:

“9. Majlis Peguam boleh, atas ketetapan bagi maksud itu yang dibuat oleh Majlis, mengawal semua jumlah wang—

- (a) yang kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara itu atau kepada firmanya, atau yang dipegang olehnya atau firmanya bagi pihak, kliennya atau klien firmanya atau yang tertakluk kepada apa-apa amanah yang baginya dia ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih pekongsinya, keraninya atau pekhidmatnya; atau
- (b) yang kena dibayar oleh atau kepada perkongsian guaman liabiliti terhad itu, atau yang dipegang oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu bagi pihak kliennya atau yang tertakluk kepada apa-apa amanah yang baginya perkongsian guaman liabiliti terhad ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih keraninya atau pekhidmatnya.”;

- (h) dengan memasukkan selepas perenggan 9 perenggan yang berikut:

“9A. Bagi maksud perenggan 9, Majlis Peguam hendaklah menyampaikan kepada peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, dan, kecuali jika seksyen 98 terpakai, kepada mana-mana jurubank dan kepada mana-mana orang lain yang ada dalam milikan atau kawalan ke atas apa-apa jumlah wang itu suatu notis, berserta dengan suatu salinan ketetapan yang diperakui, melarang pembayaran daripada jumlah wang itu selain menurut perenggan 11 atau 12.”;

- (i) dalam perenggan 10—

- (i) dengan menggantikan perkataan “perenggan 9” dengan perkataan “perenggan 9A”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”;

(j) dalam perenggan 11—

- (i) dengan menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya, yang kena dipegang bagi pihak kliennya,” dengan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, yang kena dipegang bagi pihak klien mereka masing-masing”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “oleh peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya” perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “perenggan 9” dengan perkataan “perenggan 9A”;

(k) dalam subperenggan 12(1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “atau jurubank” dengan perkataan “atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu, atau jurubank”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “perenggan 9” dengan perkataan “perenggan 9A”; dan
 - (iii) dalam subsubperenggan (a) proviso, dengan memasukkan selepas perkataan “kerani atau pekhidmatnya,” perkataan “atau sekiranya perkongsian guaman liabiliti terhad itu ialah pemegang amanah tunggal bagi suatu amanah atau pemegang amanah bersama bagi amanah itu dengan seorang atau lebih keraninya atau pekhidmatnya”;
- (l) dalam perenggan 13, dengan menggantikan perkataan “perenggan 9” dengan perkataan “perenggan 9A”; dan

- (m) dalam perenggan 14, dengan menggantikan perkataan “hendaklah dibayar oleh peguam bela dan peguam cara itu dan boleh didapatkan daripadanya” dengan perkataan “hendaklah dibayar dan didapatkan kembali daripada, peguam bela dan peguam cara atau perkongsian guaman liabiliti terhad itu”.

Jadual baharu

52. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Pertama jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

[Seksyen 76H, 76I dan 76K]

BORANG

BORANG 1

(Tajuk kes)

MEMORANDUM PEMBERITAHUAN

(Seksyen 76H)

Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (*nama negeri*)

AMBIL PERHATIAN bahawa (*nama dan nombor kad pengenalan orang yang dibantu*) yang mempunyai alamat di (*alamat surat-menyurat*), merupakan orang yang dibantu dan diwakili oleh Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (*nama negeri*) dalam prosiding ini dan Memorandum ini difailkan menurut seksyen 76H Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Bertarikh pada haribulan

.....
Pengarah
Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (nama negeri)

Disampaikan kepada:

- (1)
- (2)
- (3)

Memorandum Pemberitahuan ini difailkan oleh Pusat Bantuan Guaman
Majlis Peguam (*nama negeri*), yang mewakili (*nama orang*
yang dibantu) dan mempunyai alamat untuk penyampaian di
..... (*alamat Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (nama negeri)*),
No. Tel.: ; No. Faksimile:

Ruj. Fail:

BORANG 2

(Tajuk kes)

SIJIL BANTUAN GUAMAN

(Seksyen 76i)

Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (*nama negeri*)

Ini adalah untuk mengesahkan bahawa
(*nama dan nombor kad pengenalan orang yang dibantu*) yang mempunyai
alamat di (*alamat surat-menyurat*),
adalah layak menerima bantuan guaman di bawah perenggan 76c(1)(a)
Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Bertarikh pada haribulan

.....
Pengarah
Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (nama negeri)

Disampaikan kepada:

- (1)
- (2)
- (3)

Sijil Bantuan Guaman ini difailkan oleh Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam
(*nama negeri*) yang mewakili
(*nama orang yang dibantu*) dan mempunyai alamat untuk penyampaian di
..... (*alamat Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (nama negeri)*),
No. Tel.: ; No. Faksimile:

Ruj. Fail:

BORANG 3

(Tajuk kes)

NOTIS PEMBATALAN SIJIL BANTUAN GUAMAN

(Seksyen 76K)

Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (*nama negeri*)

AMBIL PERHATIAN bahawa Sijil Bantuan Guaman yang dikeluarkan kepada (*nama dan nombor kad pengenalan orang yang dibantu*) yang mempunyai alamat di (*alamat surat-menyurat*), pada haribulan (*bulan*) (*tahun*) adalah dengan ini dibatalkan dan orang yang dibantu tidak lagi diwakili oleh Pusat Bantuan Guaman di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Bertarikh pada haribulan

.....
Pengarah
Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (nama negeri)

Disampaikan kepada:

- (1)
- (2)
- (3)

Pembatalan Sijil Bantuan Guaman ini difailkan oleh Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (*nama negeri*), yang mewakili (*nama orang yang dibantu*) dan mempunyai alamat untuk penyampaian di (*alamat Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (nama negeri)*), No. Tel.: ; No. Faksimile:

Ruj. Fail:".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976 ("Akta 166"). Tujuan pindaan ini antara lain, adalah untuk menambah baik profesion undang-undang dengan membenarkan amalan undang-undang melalui perkongsian guaman liabiliti terhad.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 166 untuk memasukkan takrif baharu "perkongsian guaman liabiliti terhad" dan "perkongsian liabiliti terhad" ke dalam Akta 166.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 166 untuk memberi Ketua Audit Negara kuasa untuk mengaudit akaun Lembaga setiap tahun.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 11(1) Akta 166 untuk memasukkan perenggan baharu 11(1)(e) ke dalam Akta 166 untuk memperuntukkan bahawa, sebagai tambahan kepada kehendak lain dalam subseksyen 11(1) Akta 166 untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara, seseorang yang berkelayakan boleh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara jika dia telah memperoleh perintah di bawah subseksyen 36(2) Akta 166.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 15(3) Akta 166 untuk memasukkan perenggan baharu 15(3)(h) untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap pempetisyen hendaklah, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari sebelum petisyennya didengar atau suatu tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah, memfailkan suatu affidavit dengan menunjukkan, sebagai tambahan kepada dokumen lain yang dinyatakan dalam subseksyen 15(3) Akta 166, suatu salinan benar perintah yang diperoleh di bawah subseksyen 36(2) Akta 166.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 30(1) Akta 166 untuk tidak melarang seseorang peguam bela dan peguam cara daripada memohon suatu sijil amalan jika dia menjalankan amalan atau bercadang untuk menjalankan amalan dalam suatu perkongsian guaman liabiliti terhad di Malaysia atau jika dia diguna khidmat atau akan diguna khidmat sepenuh masa dalam menjalankan amalannya di Malaysia oleh suatu perkongsian guaman liabiliti terhad.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 36 Akta 166 untuk membenarkan Pengajar seseorang pelatih membuat permohonan kepada Hakim bagi suatu perintah bahawa pelatih Pengajar itu dibenarkan untuk hadir di mahkamah bagi pihak Pengajar itu atau bagi pihak firma guaman atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang Pengajar itu sedang menjalankan amalan dalam masa tiga puluh hari dari masa bermulanya latihan pelatih Pengajar itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk melarang apa-apa permohonan di bawah subseksyen 36(2) Akta 166 yang dibuat selepas tamat tempoh tiga puluh hari dari masa bermulanya latihan pelatih itu dengan Pengajarnya melainkan jika permohonan itu dibuat dengan kebenaran mahkamah.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 40A Akta 166 untuk memasukkan takrif baharu “firma guaman Malaysia”.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 40F(1) Akta 166 untuk membenarkan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad yang ditubuhkan menurut suatu perkiraan antara firma guaman asing dengan firma guaman Malaysia memohon kepada Majlis Peguam bagi suatu lesen perkongsian antarabangsa.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 40o Akta 166 untuk memasukkan perenggan baharu 40o(ha) ke dalam Akta 166 untuk memberi Majlis Peguam kuasa, dengan kelulusan Peguam Negara, untuk membuat kaedah-kaedah bagi memperuntukkan cara dan langkah bagaimana suatu perkongsian guaman liabiliti terhad boleh ditubuhkan bagi maksud suatu perkongsian antarabangsa.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IVB ke dalam Akta 166 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan perkongsian guaman liabiliti terhad.

Seksyen baharu 40P yang dicadangkan mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian IVB.

Seksyen baharu 40Q yang dicadangkan memperuntukkan bahawa kelulusan untuk menubuhkan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad atau menukar firma sedia ada kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad bagi maksud menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara hendaklah diperoleh daripada Majlis Peguam oleh seseorang peguam bela dan peguam cara.

Seksyen 40R baharu yang dicadangkan memberi Majlis Peguam kuasa untuk meluluskan penubuhan perkongsian guaman liabiliti terhad atau penukaran firma sedia ada kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad. Walau bagaimanapun, suatu perkongsian guaman liabiliti terhad yang diluluskan oleh Majlis Peguam tidak boleh diiktiraf sebagai suatu perkongsian guaman liabiliti terhad di bawah Akta 166 sehingga ia didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*] dan namanya dimasukkan ke dalam daftar di bawah subseksyen baharu 40z(2) yang dicadangkan.

Seksyen baharu 40s yang dicadangkan memberi Majlis Peguam kuasa untuk meluluskan nama perkongsian guaman liabiliti terhad yang dicadangkan tertakluk kepada syarat tertentu, dan nama yang diluluskan itu tidak boleh ditukar atau diubah tanpa kelulusan bertulis daripada Majlis Peguam terlebih dahulu.

Seksyen baharu 40t yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu perkongsian guaman liabiliti terhad melakukan apa-apa perkara yang peguam bela dan peguam cara boleh lakukan di sisi undang-undang dan perkongsian guaman liabiliti terhad hendaklah melakukan semua perkara yang peguam bela dan peguam cara perlu lakukan di sisi undang-undang, tetapi tidak termasuk apa-apa perkara yang hanya boleh dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara sebagai orang sebenar.

Seksyen baharu 40u yang dicadangkan memperkatakan mengenai kesan penukaran suatu firma kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad terhadap klien, aset dan harta, dokumen, lien atau cagaran, dsb., milik firma.

Seksyen baharu 40v yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu perkongsian guaman liabiliti terhad hendaklah mempunyai hak dan adalah tertakluk kepada kehendak fidusiari, kerahsiaan dan etika berkenaan dengan setiap klien perkongsian guaman liabiliti terhad sama sebagaimana hak dan kehendak yang sedia ada di sisi undang-undang berkenaan dengan peguam bela dan peguam cara dengan kliennya.

Seksyen baharu 40w yang dicadangkan memperuntukkan bahawa seseorang pekongsi, perunding atau pekerja perkongsian guaman liabiliti terhad yang merupakan seorang peguam bela dan peguam cara yang menyediakan perkhidmatan yang hanya boleh diberikan oleh peguam bela dan peguam cara di bawah Akta 166 adalah tertakluk kepada standard kelakuan dan kecekapan yang sama berkenaan dengan perkhidmatan sedemikian seolah-olah dia sendiri menyediakan perkhidmatan itu sebagai peguam bela dan peguam cara dalam suatu firma.

Seksyen baharu 40x yang dicadangkan melarang suatu perkongsian guaman liabiliti terhad daripada menjalankan amalan peguam bela dan peguam cara jika pada bila-bila masa mana-mana pekongsi perkongsian guaman liabiliti terhad itu bukan seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan.

Seksyen baharu 40y yang dicadangkan membenarkan Mahkamah Tinggi, apabila permohonan dibuat oleh Majlis Peguam, untuk memerintahkan penggulungan perkongsian guaman liabiliti terhad di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atas alasan tertentu. Walau bagaimanapun, penggulungan perkongsian guaman liabiliti terhad tidak boleh menjejaskan apa-apa hak untuk memulakan prosiding tatatertib terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan di bawah perkongsian guaman liabiliti terhad atau apa-apa hak Majlis Peguam atau Jawatankuasa Badan Peguam Negeri untuk melaksanakan apa-apa hak atau kuasa di bawah Akta 166.

Seksyen baharu 40z yang dicadangkan menghendaki Majlis Peguam menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi perkongsian guaman liabiliti terhad yang diluluskan di bawah seksyen baharu 40r yang dicadangkan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam dan untuk membenarkan mana-mana orang memeriksa daftar itu.

Seksyen baharu 40za yang dicadangkan memperkatakan mengenai hak orang yang terkilan untuk merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Majlis Peguam di bawah seksyen baharu 40r atau 40s yang dicadangkan.

Seksyen baharu 40zb yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Bahagian baharu IVb dan mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen baharu 40zd yang dicadangkan hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan yang tidak selaras dalam mana-mana perjanjian perkongsian liabiliti terhad.

Seksyen baharu 40zc yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Bahagian baharu IVb dan mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen baharu 40zd yang dicadangkan hendaklah dibaca bersama dengan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan dalam hal percanggahan atau ketidakselarasan antara Bahagian baharu IVb dengan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, peruntukan Bahagian baharu IVb hendaklah terpakai.

Seksyen baharu 40zd yang dicadangkan memberi Majlis Peguam kuasa, dengan kelulusan Peguam Negara, untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan perkongsian guaman liabiliti terhad bagi maksud Bahagian baharu IVb.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu VA ke dalam Akta 166 yang mengandungi seksyen baharu 76A, 76B, 76C, 76D, 76E, 76F, 76G, 76H, 76I, 76J, 76K, 76L dan 76M untuk mengadakan peruntukan bagi Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam dan perkara yang berhubungan dengannya. Seksyen baharu 76A yang dicadangkan mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian baharu VA.

Seksyen baharu 76B yang dicadangkan menghendaki Majlis Peguam untuk mentadbir Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (“Pusat”) dengan satu atau lebih cawangan di setiap Negeri bagi maksud menjalankan fungsi di bawah seksyen baharu 76C yang dicadangkan. Selanjutnya, Majlis Peguam boleh memberikan arahan kepada Pusat dan Pusat hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis Peguam.

Seksyen baharu 76C yang dicadangkan menyatakan fungsi Pusat yang termasuklah, untuk menyediakan bantuan guaman kepada orang yang dibantu, untuk menggalakkan kecelikan undang-undang, untuk membantu orang awam dalam perkara yang berhubungan dengan keadilan dan untuk mengguna khidmat ahli Badan Peguam Malaysia dalam melaksanakan fungsinya.

Seksyen baharu 76D yang dicadangkan memberikan kuasa kepada Majlis Peguam untuk menentukan lokasi pejabat utama Pusat.

Seksyen baharu 76E yang dicadangkan menghendaki Pusat, dengan bantuan Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang berkenaan, untuk mengurus dan mentadbir mana-mana cawangan yang ditubuhkan dalam mana-mana negeri di luar pejabat utama Pusat.

Seksyen baharu 76F yang dicadangkan membenarkan Majlis Peguam untuk mengambil kerja dan menyara mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Pengarah dan kakitangan Pusat.

Seksyen baharu 76G yang dicadangkan memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berkehendakkan bantuan guaman diberikan di bawah Bahagian baharu VA hendaklah membuat permohonan kepada Pusat dan, bagi maksud tersebut, mengemukakan maklumatnya yang lengkap, benar dan tepat.

Seksyen baharu 76H yang dicadangkan menghendaki Pusat, apabila menerima permohonan di bawah seksyen baharu 76G yang dicadangkan, untuk memberitahu mana-mana pihak yang berkaitan dan untuk memfailkan Memorandum Pemberitahuan di mahkamah yang di dalamnya prosiding telah dimulakan supaya prosiding itu digantung untuk membolehkan Pusat membuat siasatan mengenai kelayakan pemohon bagi bantuan guaman.

Seksyen baharu 76I yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Pusat boleh mewakili pemohon dengan memfailkan suatu Sijil Bantuan Guaman di mahkamah yang berkenaan.

Seksyen baharu 76J yang dicadangkan memperuntukkan bahawa orang yang dibantu tidak boleh bertanggungjawab bagi kos kepada mana-mana pihak lain dalam mana-mana prosiding yang Sijil Bantuan Guaman itu berkaitan melainkan jika diperuntukkan secara nyata di bawah Akta 166. Seksyen baharu yang dicadangkan ini juga memperuntukkan bahawa, tertakluk kepada Akta 166, mana-mana orang yang menjalankan apa-apa siasatan, menyediakan atau menyiarkan apa-apa laporan, memberikan apa-apa pendapat, atau menjalankan apa-apa prosiding, tidak boleh mengambil, atau bersetuju untuk mengambil atau meminta apa-apa fi, keuntungan atau hadiah daripada orang yang dibantu.

Seksyen baharu 76K yang dicadangkan menghendaki Pusat untuk membatalkan Sijil Bantuan Guaman dengan memfailkan suatu Notis Pembatalan Sijil Bantuan Guaman di mahkamah dan menyampaikan sijil pembatalan itu kepada pihak lain dalam prosiding itu sekiranya Pusat mendapati bahawa bantuan guaman itu telah diperoleh melalui fraud atau salah nyataan.

Seksyen baharu 76L yang dicadangkan memperuntukan bahawa mahkamah boleh memerintahkan kos bagi bantuan guaman yang diperoleh melalui fraud atau salah nyataan dibayar kepada Pusat, kepada pihak yang lain atau kepada kedua-duanya.

Seksyen baharu 76M yang dicadangkan memberi Majlis Peguam kuasa, dengan kelulusan Peguam Negara, untuk membuat kaedah-kaedah sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Bahagian baharu VA.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 77(1) Akta 166 untuk meluaskan kuasa Majlis Peguam, dengan kelulusan Peguam Negara, termasuk kuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan fi, gaji, elaun, keadaan kerja dan penerimaan masuk peguam bela dan peguam cara dan pelatih.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 78A Akta 166 untuk meluaskan kuasa Majlis Peguam untuk membuat kaedah-kaedah, dengan kelulusan Peguam Negara, berkenaan dengan pengambilan tanggung rugi profesional bagi perkongsian guaman liabiliti terhad terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 80 Akta 166 untuk menjadikan peruntukan berkenaan dengan Kumpulan Wang Pampasan terpakai juga kepada perkongsian guaman liabiliti terhad.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 82 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 82 Akta 166 untuk melarang perkongsian guaman liabiliti terhad daripada dengan sengaja dan dengan diketahuinya bertindak sebagai seorang ejen dalam apa-apa prosiding undang-undang atau perkara yang hanya boleh dilakukan oleh seorang peguam bela dan peguam cara yang mempunyai suatu Sijil Amalan yang sah bagi peguam bela dan peguam cara lain yang tidak mempunyai suatu Sijil Amalan yang sah atau firma guaman atau perkongsian guaman liabiliti terhad yang lain yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, dsb..

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 83 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 83 Akta 166 untuk melarang perkongsian guaman liabiliti terhad dari mengguna khidmat atau menyara mana-mana orang yang perkongsian guaman liabiliti terhad itu ketahui ialah bankrap yang belum dilepaskan, yang telah dipotong daripada Daftarai atau yang telah digantung daripada menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, dsb..

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 84 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 84 Akta 166, antara lain, untuk memperuntukkan bahawa sekiranya suatu perkongsian guaman liabiliti terhad bertindak bagi pihak pemaju perumahan dalam suatu jualan harta tak alih, perkongsian guaman liabiliti terhad itu atau mana-mana peguam bela dan peguam cara perkongsian guaman liabiliti terhad itu tidak boleh dalam transaksi yang sama bertindak bagi pihak pembeli harta itu.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 86 Akta 166 untuk meluaskan peruntukan yang mengadakan peruntukan bagi hal keadaan sekiranya terdapat hubungan antara peguam bela dan peguam cara dengan klien, juga untuk mengadakan peruntukan bagi hal keadaan sekiranya terdapat hubungan antara perkongsian guaman liabiliti terhad dengan klien, yang dalam hal keadaan itu, klien itu atau wakilnya boleh mengeluarkan suatu saman supaya diserahkan akaun wang tunai, atau dibayar wang, atau diserahkan sekuriti.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 87(1) Akta 166 untuk memberi Pendaftar kuasa untuk membuat suatu sijil sementara mengenai amaun yang kena dibayar oleh perkongsian guaman liabiliti terhad kepada klien sekiranya Pendaftar berpendapat bahawa ada wang kena dibayar oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu kepada klien.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 88 Akta 166 untuk meluaskan kuasa Majlis Peguam, sekiranya Majlis Peguam mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perkongsian guaman liabiliti terhad atau mana-mana kerani atau pekhidmat perkongsian guaman liabiliti terhad itu telah bersalah atas kecurangan berkaitan dengan amalan perkongsian guaman liabiliti terhad itu sebagai peguam bela dan peguam cara atau berkaitan dengan apa-apa amanah yang perkongsian guaman liabiliti terhad itu menjadi pemegang amanah, dsb., untuk mengeluarkan suatu sijil bagi maksud itu dan oleh sebab itu Jadual Pertama kepada Akta 166 kecuali perenggan 7 Jadual itu, hendaklah terpakai berhubung dengan perkongsian guaman liabiliti terhad itu.

23. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 89 Akta 166 untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Jadual Pertama Akta 166, selain perenggan 7 Jadual itu, kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad jika semua syarat dalam subseksyen 89(1) Akta 166 dipenuhi.

24. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda subseksyen 94(3) Akta 166 untuk memasukkan perenggan baharu 94(3)(p) ke dalam Akta 166 untuk memperuntukkan bahawa kegagalan tanpa alasan yang munasabah oleh peguam bela dan peguam cara untuk memastikan sebagai seorang pekongsi, atau sebagai seorang yang terlibat dalam pengurusan atau kawalan, sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad supaya perkongsian guaman liabiliti terhad itu mematuhi kehendak Akta 166 dan semua kaedah yang dibuat di bawahnya atau arahan atau keputusan Majlis Peguam adalah suatu salah laku.

25. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 112 Akta 166.

Perenggan 27(b)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 112(1)(a) Akta 166 untuk melarang suatu perkongsian guaman liabiliti terhad daripada membeli atau bersetuju membeli sama ada secara langsung atau tidak langsung sesuatu kepentingan atau mana-mana bahagian daripada kepentingan itu yang merupakan hal perkara kliennya atau hal perkara pihak yang satu lagi dalam guaman, tindakan atau prosiding bertikaian lain yang sama yang dibawa atau hendak dibawa atau disenggarakan.

Perenggan 27(b)(iii) bertujuan untuk meminda perenggan 112(1)(b) Akta 166 untuk melarang suatu perkongsian guaman liabiliti terhad daripada membuat apa-apa perjanjian yang dengannya perkongsian guaman liabiliti terhad itu ditempah atau diguna khidmat untuk menjalankan apa-apa guaman atau tindakan atau prosiding bertikaian lain yang mensyarat atau mencadangkan pembayaran hanya jika guaman, tindakan atau prosiding itu berjaya.

26. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 113 of Akta 166 untuk meluaskan kuasa Jawatankuasa Kos Peguam Cara atau mana-mana empat orang daripada ahlinya (Hakim Besar atau nomininya ialah seorang) membuat perintah am menetapkan dan mengawal selia saraan perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan urusan bukan bertikaian.

27. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 114 Akta 166 untuk membenarkan juga sesuatu perkongsian guaman liabiliti terhad memasuki suatu perjanjian dengan kliennya berkenaan saraan perkongsian guaman liabiliti terhad itu dalam apa-apa urusan bukan bertikaian dengan syarat bahawa perjanjian itu tidak memperuntukkan kos mengikut suatu skala yang lebih rendah daripada skala yang diperuntukkan oleh mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen 113 Akta 166.

28. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 115 Akta 166.

Subfasal 30(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 115(1) Akta 166 untuk memperuntukkan juga bahawa jika suatu gadai janji dibuat kepada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad, perkongsian guaman liabiliti terhad yang peguam bela dan peguam cara itu menjalankan amalan berhak mendapatkan daripada penggadai janji itu berkenaan dengan semua urusan yang dijalankan oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu dan berkenaan dengan semua perbuatan yang dilakukan oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu dalam merundingkan pinjaman itu, menentukan dan menyiasat hakmilik harta itu, dan menyediakan dan menyempurnakan gadai janji itu, apa-apa kos biasa yang perkongsian guaman liabiliti terhad itu tetap berhak mendapatnya jika gadai janji itu telah dibuat kepada suatu entiti yang bukan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad dan penggadai janji itu telah menempah dan menggunakan khidmat perkongsian guaman liabiliti terhad itu.

Subfasal 30(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 115(2) Akta 166 untuk memperuntukkan juga bahawa jika suatu gadai janji telah dibuat kepada, atau telah diletakhakkan dengan cara pindah milik atau pindahan pada suatu perkongsian guaman liabiliti terhad, sama ada ia sahaja atau bersesama dengan mana-mana orang lain, dan apa-apa urusan dijalankan atau apa-apa perbuatan dilakukan oleh perkongsian guaman liabiliti terhad itu, berhubung dengan gadai janji itu atau cagaran yang diwujudkan dengannya itu atau berhubung dengan

harta yang terkandung di bawahnya, maka perkongsian guaman liabiliti terhad itu berhak mendapatkan daripada penggadai janji yang bagi pihaknya urusan itu telah dijalankan atau perbuatan itu telah dilakukan, dan mengenakan ke atas cagaran itu, apa-apa kos biasa yang perkongsian guaman liabiliti terhad itu tetap berhak mendapatnya jika gadai janji itu telah dibuat kepada, dan masih terletak hak dengan cara pindah milik atau pindahan pada, suatu entiti yang bukan suatu perkongsian guaman liabiliti terhad dan bahawa penggadai janji itu telah menempah dan mengguna khidmat perkongsian guaman liabiliti terhad itu untuk menjalankan urusan itu dan melakukan perbuatan itu.

29. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda subseksyen 116(1) Akta 166 untuk membolehkan juga suatu perkongsian guaman liabiliti terhad membuat suatu perjanjian bertulis dengan kliennya berkenaan urusan bertikaian.

30. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 117 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 117 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan kos yang boleh didapatkan daripada klien oleh orang lain yang tidak diaku saksi.

31. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 118 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 118 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan penguatkuasaan perjanjian yang dibuat di bawah seksyen 116 Akta 166.

32. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 119 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 119 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan kesan perjanjian yang dibuat antara perkongsian guaman liabiliti terhad dan kliennya tetapi belum disempurnakan kerana perkongsian guaman liabiliti terhad itu telah digulung.

33. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 120 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan hak seseorang klien untuk menukar perkongsian guaman liabiliti terhad yang bertindak baginya sebelum urusan yang berhubungan dengan perjanjian di bawah seksyen 116 Akta 166 itu selesai.

34. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 121 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 121 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan saraan mengenai urusan bertikaian yang bukannya perkara perjanjian.

35. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda seksyen 122 Akta 166 untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “perkongsian guaman liabiliti terhad” bagi maksud Bahagian IX Akta 166.

36. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 123 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 123 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan hak untuk mengenakan caj ke atas harta untuk mendapatkan kos.

37. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 124 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 124 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan larangan kepada perkongsian guaman liabiliti terhad untuk membawa guaman untuk mendapatkan kos sehingga telah diserahkan bil kos melainkan jika dengan kebenaran mahkamah.

38. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 125 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 125 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan kuasa mahkamah untuk membenarkan permulaan tindakan oleh suatu perkongsian guaman liabiliti terhad untuk mendapatkan kosnya dan juga merujukkan bil kosnya untuk ditetapkan oleh Pendaftar sebelum habis tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil kos.

39. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 126 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 126 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan perintah bagi penetapan kos.

40. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 127 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan kos bagi mendapatkan suatu perintah bagi penetapan kos.

41. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 128 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 128 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan had masa bagi penetapan bil kos.

42. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 129 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 129 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan petisyen oleh pihak yang bertanggung membayar bil kos.

43. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 130 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 130 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan perintah supaya diserahkan bil kos dengan cara petisyen.

44. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 131 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 131 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan supaya diserahkan salinan bil kos kepada pemohon.

45. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 133 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan budi bicara Pendaftar untuk membenarkan bunga dikenakan ke atas apa-apa kadar dan mulai pada bila-bila masa yang difikirkannya adil dan munasabah atas wang yang dibelanjakan bagi kliennya oleh, wang klien yang ada dalam tangan dan wang klien yang dipegang dengan tidak sepatutnya oleh, perkongsian guaman liabiliti terhad.

46. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda seksyen 134 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 134 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan bayaran kos perintah bagi penetapan suatu bil kos.

47. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda seksyen 141 Akta 166 untuk meluaskan pemakaian seksyen 141 Akta 166 kepada perkongsian guaman liabiliti terhad untuk memperuntukkan, antara lain, bahawa bank tidak mempunyai apa-apa tanggungan atau berkewajipan membuat apa-apa siasatan, atau disifatkan mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai apa-apa hak mana-mana orang ke atas apa-apa wang yang dibayar atau dikreditkan pada mana-mana akaun perkongsian guaman liabiliti terhad itu.

48. *Fasal 51* bertujuan untuk menamakan semula Jadual kepada Akta 166 sedia ada sebagai Jadual Pertama dan untuk meluaskan pemakaian Jadual Pertama itu kepada perkongsian guaman liabiliti terhad berkenaan dengan pengawalan harta dalam hal tertentu.

49. *Fasal 52* bertujuan untuk memasukkan Jadual Kedua baharu ke dalam Akta 166 yang mengandungi borang berhubung dengan seksyen baharu 76H, 76I dan 76K yang dicadangkan.

50. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3155]